

# Keputusan terbaik sejak 4 tahun

B/4. 23/12/2011 005 12

## 481,147 calon dapat A semua subjek, prestasi luar bandar meningkat

Oleh Haika Khazi

haikakhazi@bharian.com.my

● IZHARI ARIFFIN | BERITA HARIAN

**P**UTRAJAYA: Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun ini mencatatkan keputusan yang terbaik dalam tempoh empat tahun apabila 34,217 daripada 481,147 calon mendapat pangkat A dalam semua mata pelajaran, peningkatan 0.75 peratus atau 3,408 calon berbanding 2010.

Analisis keputusan PMR tahun ini juga menunjukkan peningkatan calon yang mendapat gred A dalam semua subjek bagi kawasan bandar dan luar bandar meningkat berbanding tahun lalu.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Abdul Ghafar Mahmud, berkata pencapaian pelajar luar bandar yang mendapat gred A dalam semua subjek tahun ini ialah seramai 6,474 berbanding 5,825 tahun lalu.

Katanya, pelajar bandar yang mendapat semua A dalam subjek diambil pula seramai 26,189 berbanding 24,084 tahun lalu.

Beliau berkata, pencapaian dalam 17 mata pelajaran yang terbaik itu diukur berdasarkan dua petunjuk iaitu pencapaian calon, Gred Purata Nasional, dan prestasi mata pelajaran, Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP).

"Secara keseluruhan kementerian berpuas hati dengan pencapaian calon luar bandar dan bandar pada tahun ini yang menunjukkan peningkatan. Ia berkat usaha berterusan pelajar, ibu bapa, guru dan sekolah untuk memperbaiki



ANTARA 145 pelajar yang mendapat 8A dalam PMR meraikan kejayaan di Seri Puteri, Cyberjaya, semalam.

prestasi sekolah masing-masing," katanya ketika membentangkan analisis keputusan PMR 2011, di sini, semalam.

Seramai 481,147 calon menduduki peperiksaan PMR 2011 di 3,521 pusat peperiksaan di seluruh negara mulai 4 hingga 11 Oktober lalu.

Daripada jumlah itu, 448,738 atau 93.27 peratus adalah calon Kementerian Pelajaran; Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sekolah perantis tentera (5,343); sekolah swasta (14,061); sekolah agama

tadbiran kerajaan negeri (10,578); sekolah agama rakyat (1,780) dan persendirian perseorangan (647).

Abdul Ghafar berkata, pelajar yang mendapat minimum gred D bagi semua subjek meningkat 61.88 peratus iaitu 272,966 berbanding 265,388 pada tahun lalu.

Katanya, bilangan calon yang mendapat semua E (gagal) pula menurun daripada 386 kepada 346 pada 2011, penurunan 0.08 peratus berbanding 2010.

"Bilangan pelajar bandar yang mendapat gred E juga menurun

iaitu seramai 216 berbanding 249 tahun lalu manakala pelajar luar bandar menurun kepada 121 daripada 132 pelajar pada 2010," katanya.

Calon berkeperluan khas melibatkan pelbagai kecacatan yang mendapat semua A mencatatkan seramai 12 pelajar berbanding lima pelajar tahun lalu.

Sementara itu, Abd Ghafar berkata, semua mata pelajaran menunjukkan peningkatan berdasarkan GPMP, kecuali bahasa Melayu, Cina, Iban dan Pendidikan Islam.

Katanya, pencapaian gred A bagi